



UniMAP Terima Pengiktirafan 3 Bintang QS Stars

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diberikan penarafan QS Stars tiga bintang bersandarkan kepada penilaian yang dibuat oleh badan penarafan terkenal dunia QS Intelligence Unit. Naib Canselornya, Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin berkata, pencapaian tiga bintang itu merupakan sesuatu yang membanggakan apatah lagi dengan usia UniMAP yang baru mencelah sedekad penubuhannya.

Kejayaan mencapai tiga bintang sememangnya sesuatu yang membanggakan buat (UniMAP). Ia memberikan motivasi kepada semua warga kerjanya untuk mencapai penarafan lima bintang dalam tempoh lima tahun akan datang. Menurut Datuk Prof. Dr. Kamarudin, penilaian tersebut dibuat berdasarkan lapan aspek iaitu pengajaran dan pembelajaran, kemudahan prasarana, jaringan kerjasama, pengantarabangsaan, kebolehpasaran graduan, budaya dan penglibatan masyarakat, penyelidikan serta kejuruteraan dan teknologi.

Jika dilihat berdasarkan pecahan aspek tersebut, QS Intelligence Unit mengiktiraf UniMAP sebagai lima bintang dalam dua aspek iaitu pengajaran dan pembelajaran serta kemudahan prasarana manakala turut diberikan penarafan empat bintang dari aspek jaringan kerjasama. Penarafan lima bintang dalam aspek pengajaran dan pembelajaran yang diberikan QS Stars ini adalah bertepatan dengan penarafan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) yang turut mengiktiraf UniMAP sebagai lima bintang sebelum ini. Bagi aspek jaringan kerjasama pula, penarafan empat bintang membuktikan yang UniMAP kini berada dalam radar yang tepat dalam usaha mewujudkan jaringan kerjasama yang kukuh dengan universiti-universiti bertaraf dunia lainnya.

Secara keseluruhannya, QS Stars turut mengiktiraf UniMAP sebagai sebuah universiti yang seimbang dan ini dibuktikan menerusi penarafan tiga bintang berdasarkan aspek kebolehpasaran graduan, pengantarabangsaan serta budaya dan penglibatan masyarakat. Penarafan QS Stars ini merupakan titik mula untuk UniMAP terus berusaha mencapai penarafan lima bintang seterusnya menjadi antara 500 universiti terbaik di dunia menjelang tahun 2020. Pencapaian UniMAP ini turut menarik perhatian Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. Beliau merakamkan ucapan tahniah tersebut menerusi akaun tweeter beliau dan berharap lebih banyak universiti awam mencapai pengiktirafan seperti itu.



Universiti Malaysia Perlis

The QS Stars rating system is operated by the QS Intelligence Unit, the independent compiler of the QS World University Rankings® since 2004. The system evaluates universities across a wide range of important performance indicators as set against pre-established international standards. By covering a broader range of criteria than any world ranking exercise, QS Stars® sheds a light on both the excellence and the diversity of the rated institution.

CATEGORY	STAR RATING
Research	3
Employability	3
Teaching	3
Facilities	3
Internationalisation	3
Engagement	3
Culture	3
Engineering & Technology	2
Overall	3


Ben Sowter - Head of QS Intelligence Unit

QS INTELLIGENCEUNIT

<  Tweets



Mohd Najib Tun Razak @NajibRazak 1h
Congrats to @PROUniMAP on the 3-star rating by QS intelligence. Hope to see more public unis follow suit!